

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK : AKAUN SIMPANAN-i QARD

---

### 1. Produk apakah ini?

Produk Akaun Simpanan-i Qard merupakan akaun simpanan asas ditawarkan kepada anggota dan bukan anggota CBP. Pengambilan deposit simpanan ini dibenarkan oleh SKM dan BNM tertakluk kepada kawalselia di bawah akta kewangan Islam 2013.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan ialah konsep Qard yang mana deposit simpanan sebagai muqridh (pemberi Qard) dan CBP sebagai muqtaridh (pengambil deposit). Apa-apa simpanan wang yang didepositkan oleh penyimpan dari masa ke semasa adalah Qard yang akan dipulangkan oleh CBP pada baki semasa prinsipal tanpa penjejasan atau kerugian dengan nilai yang sama tanpa pengurangan atau pertambahan.

### 3. Apakah jenis akaun ini?

Ini adalah akaun simpanan asas tanpa tempoh matang, boleh men deposit dan mengeluarkan simpanan tanpa apa-apa halangan pada bila-bila masa tertakluk kepada terma dan syarat serta boleh dibuka oleh mana-mana individu, akaun bersama, amanah, koperasi, korporat dan kerajaan.

### 4. Siapakah pemilik akaun ini?

Akaun Simpanan-i Qard dimiliki oleh penyimpan individu atau bukan individu samada anggota atau bukan anggota CBP.

### 5. Siapakah yang mengurus dana Qard ini?

CBP sebagai pengambil Qard berhak mengurus dana ini dengan menyatukan semua dana Qard dan menggunakan dana ini bagi apa-apa tujuan umum aktiviti perniagaan perbankan Islam.

### 6. Apakah portfolio dana Qard?

Dana Qard tidak mempunyai portfolio khas, ia adalah sumber pendanaan bagi tujuan umum aktiviti perniagaan CBP yang dibenarkan SKM.

### 7. Apakah tempoh deposit simpanan ini?

Deposit simpanan adalah tiada tempoh sehingga dikeluarkan atau ditutup akaun oleh pendeposit penyimpan sendiri.

### 8. Adakah pengeluaran simpanan dibenarkan?

Apa-apa pengeluaran adalah atas budibicara pendeposit penyimpan sepenuhnya tertakluk kepada baki minima.

### 9. Apakah kadar hibah / untung deposit simpanan ini?

Akaun ini tidak akan dibayar apa-apa hibah / untung / imbalan / faedah atau manfaat dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan kerana prinsip Syariah melarang apa-apa penambahan terhadap nilai Qard yang merupakan riba yang dilarang syarak.

### 9. Apakah kadar hibah / untung ini boleh dirunding?

Tidak

### 10. Apakah jumlah prinsipal dilindungi dari penjejasan?

Deposit akan dipulangkan pada baki semasa prinsipal oleh CBP tanpa hibah / keuntungan dan tanpa kerugian atau penjejasan prinsipal selaras dengan Akta Kewangan Islam 2013.

### 11. Apakah boleh mencagarkan akaun simpanan ini?

Akaun simpanan ini boleh dijadikan cagaran atau lien untuk mendapatkan pembiayaan tertakluk kepada pertimbangan CBP dari masa ke semasa.

### 12. Apakah syarat-syarat utama pembukaan akaun?

Pemilik akaun hendaklah warganegara Malaysia, tidak mufis dan bersetuju dengan terma dan syarat-syarat pembukaan akaun.

### 13. Apakah fi dan caj yang akan dikenakan?

Rujuk fi atau caj yang dikenakan ke laman web CBP.

### 14. Apakah produk deposit ini patuh Syariah?

Ya, ia telah disahkan oleh Jawatankuasa Syariah CBP dan ditentusah oleh SKM pada Ogos 2019.

### 15. Dimanakah maklumat selanjutnya boleh diperolehi?

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut atau terdapat sebarang pertanyaan mengenai mengenai produk ini, anda boleh menghubungi kami di alamat yang berikut:

#### IBU PEJABAT

Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP)  
36, Tingkat 3, Menara RKT 2,  
Jalan Raja Abdullah.  
Off Jalan Sultan Ismail,  
50300 Kuala Lumpur

Telefon No : 03-2692 7650

Faks No : 03-2694 7652

Emel : info@cbp.com.my

Website : www.cbp.com.my